

Kemahiran dan Sikap Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Fauzi Hassan*, Aiba Tok, Nor Asiah Ismail & Mohd Nor Mohamed

Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, 27200 Kuala Lipis, Pahang, Malaysia

ABSTRAK

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Responden kajian ini adalah seramai 159 pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017 daripada enam buah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu, iaitu IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA), IPG Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI), IPG Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI), IPG Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM), IPG Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) dan IPG Kampus Keningau (IPGKK). Data-data yang diperoleh dikumpulkan untuk dianalisis menggunakan *Statistical Package of Science Social* (SPSS) Versi 23.0. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Borang soal selidik yang digunakan adalah dalam bentuk *Google Form* dengan lima skala Likert untuk dianalisis secara deskriptif bagi mengukur tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap kemahiran adalah tinggi, iaitu 4.26 manakala bagi tahap sikap juga adalah tinggi, iaitu 4.47. Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada pihak yang bertanggungjawab, misalnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), IPGK dan Jabatan Pengajian Melayu (JPM) bagi merangka strategi untuk memperkasa dan memartabatkan lagi kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kata Kunci: KBAT, Pelajar, Kemahiran, Sikap

ABSTRACT

The implementation of Higher Order Thinking Skills (HOTS) among Malay teachers are still at a low level. Therefore, this study is aimed to identify the skills and attitudes of Bachelor of Education or *Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan* (PISMP) students towards the implementation HOTS in teaching and learning Malay Language. The respondents are 159 students of PISMP Malay Language intake June 2017 of six *Institut Pendidikan Guru Kampus* (IPGK) which offers Bahasa Melayu courses namely *IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan* (IPGKTAA), *IPG Kampus Pendidikan Islam* (IPGKPI), *IPG Kampus Dato' Razali Ismail* (IPGKDRI), *IPG Kampus Bahasa Melayu* (IPGKBM), *IPG Kampus Ilmu Khas* (IPGKIK) and *IPG Kampus Keningau* (IPGKK). The data obtained and collected were analyzed using *Statistical Package of Social Science* (SPSS) Version 23.0. This study uses a survey research design. A *Google Form* is used for the questionnaire with five Likert Scale for descriptive analysis to evaluate the level of skills and attitudes of PISMP students towards implementation HOTS in teaching and learning of Bahasa Melayu. Overall, the findings of the study show that the mean value for the skill level is high, which is 4.26 while for the attitude level is also high, which is 4.47. This indicates that the level of skills and attitudes of PISMP students towards implementation of HOTS in teaching and learning of Bahasa Melayu is high. The importance of this study is to provide exposure to the appropriate authorities, such as Ministry of Education (MOE), Institut Pendidikan Guru (IPG), IPGK and Department of Pengajian Melayu (JPM) to develop strategies for empowering and enhancing the skills and attitudes of PISMP students towards implementing HOTS in the process of teaching and learning Bahasa Melayu.

Keywords: HOTS, Students, Skills, Attitudes

* Corresponding author: fauzihasan71@gmail.com
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Menurut Farah Aziana Abdul Azizi dan Fadzilah Abdul Rahman (2018), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan pada tahun 2013 di Malaysia atas desakan persaingan yang sangat sengit pada peringkat global, iaitu apabila kedudukan Malaysia dalam sistem pendidikan *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) jauh ketinggalan berbanding negara-negara yang lain. Perkara ini juga turut disokong oleh Wan Nor Shairah Sharuji dan Norazah Mohd Nordin (2017) dalam kajian yang telah dijalankan oleh mereka, iaitu Malaysia tidak tergolong dalam negara ASEAN yang mempunyai sistem pendidikan yang terbaik sebagaimana negara Singapura, China dan Korea yang mencatat kedudukan terbaik dalam sistem pendidikan. Oleh itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menekankan bahawa semua guru perlu mempersiapkan diri daripada segi pengetahuan dan juga kemahiran dalam menjayakan pelaksanaan KBAT di Malaysia supaya dapat melahirkan generasi yang menguasai KBAT selari dengan keperluan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) tambahan lagi apabila KBAT merupakan salah satu daripada tujuh elemen lain yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bertindak sebagai institusi latihan yang dipertanggungjawabkan untuk melatih bakal guru daripada pelbagai aspek, misalnya kurikulum, pedagogi, amalan profesionalisme, kokurikulum dan pelbagai kemahiran keguruan dalam usaha melaksanakan transformasi reka bentuk pendidikan yang sesuai dengan keperluan generasi kini (Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail, 2018). Kajian yang dilakukan oleh Raja Abdullah Raja Ismail dan Daud Ismail (2018) menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap PAK21 termasuklah KBAT masih berada pada tahap yang sederhana.

Rentetan itu, kajian ini perlu dijalankan bagi tujuan mengenal pasti pelaksanaan KBAT dalam Bahasa Melayu daripada aspek kemahiran dan sikap guru pelatih yang telah menjalani praktikum fasa kedua, iaitu terdiri daripada pelajar-pelajar major Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan (SK) tahun akhir. Hal ini demikian kerana guru-guru pelatih tahun akhir ini akan ditempatkan di sekolah-sekolah kelak dan mereka haruslah mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran melibatkan KBAT yang merupakan salah satu elemen PAK21 serta memiliki sikap yang positif terhadap penguasaan KBAT dalam sistem pendidikan negara.

PERMASALAHAN KAJIAN

Menurut Abdul Halim, Johari dan Norhasniza (2014) dalam Norziana Mat Rabi et. al (2020), dasawarsa ini, pengaplikasian KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah turut dibahaskan kerana kedudukan murid-murid di Malaysia dalam ujian *Programme for International Student Assessment* (PISA) atau Program Penilaian Murid Antarabangsa, pada hakikatnya tidak mencapai standard pemikiran kelas pertama dan tidak berupaya untuk mencapai tahap yang memuaskan. Fenomena ini berlaku kerana sistem pendidikan di negara Malaysia masih belum mantap untuk membekalkan pelajar dengan kemahiran berfikir (Nursafra, Mohd Isa & Khadijah, 2018).

Seterusnya, kajian yang telah dilakukan oleh Chew dan Zul Hazmi (2018), berpendapat bahawa kemahiran berfikir yang masih belum mantap ini disebabkan oleh murid-murid tidak diberikan pendedahan berkaitan penggunaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, malahan mereka lebih banyak mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) yang hanya menumpukan kepada proses menghafal dan mengingat semata-mata. Tambahan lagi, terdapat guru juga yang kurang memahami dan mengenal pasti kewujudan elemen-elemen KBAT dalam soalan-soalan yang dikemukakan dalam buku teks Bahasa Melayu (Nurul Hasna, Ahmad & Saedah, 2020).

Menurut Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018), guru-guru Bahasa Melayu didapati berasa selesa dengan amalan pengajaran berpusatkan guru yang sememangnya menjadi amalan dalam kalangan guru. Antara salah satu sebab guru-guru tidak mempunyai kesediaan mengamalkan aspek kemahiran dan sikap terhadap pengaplikasian KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran kerana tidak cenderung kepada pengajaran berpusatkan murid. Fenomena ini sejajar dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Nor Hasmaliza Hasan dan Zamri Mahamod (2016) dalam Farah Aziana Abdul Aziz dan Fadzilah Abd Rahman (2018) yang menjelaskan bahawa guru tidak tahu dan tidak jelas berkaitan cara menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dan disebabkan perkara tersebut, guru masih mengamalkan pengajaran secara tradisional, iaitu berpusatkan guru bagi menghabiskan sukatan pelajaran. Rumusnya, kebanyakan guru tidak tahu cara menerapkan KBAT kepada murid yang akhirnya menjadikan guru kurang bersedia daripada aspek kemahiran melaksanakan KBAT dan bersikap negatif terhadap KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (Ball dan Garton, 2005; Mohd Ashraf Che Soh et. al, 2020). Oleh sebab itu, pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru masih berada pada tahap yang kurang memuaskan semasa menyampaikan pengajaran dan pembelajaran sama

ada di dalam mahu pun di luar bilik darjah dan keadaan ini berupaya menyekat kemahiran berfikir murid kepada tahap yang lebih tinggi lagi.

Terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Anida et. al (2019) yang mendapati penerapan alat berfikir KBAT, iaitu Cognitive Research Trust (CoRT) dan Plus, Minus, Interesting (PMI) dalam pedagogi Bahasa Melayu telah berlaku namun berada pada peringkat yang sederhana kerana guru-guru Bahasa Melayu masih belum menguasai amalan peranti pemikiran. Perkara ini selari dengan saranan yang diutarakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam modul yang bertajuk Elemen KBAT dalam Pedagogi (2014) bahawa terdapat beberapa alat berfikir, iaitu peta pemikiran, penyusun grafik, soalan dan penyoalan, peta minda, CoRT dan 6 *Thinking Hats*. Hal demikian kerana penggunaan alat-alat berfikir ini berupaya membantu murid berfikir dengan lebih tersusun, sistematik dan berfokus serta dapat mengembangkan kemahiran berfikir murid kepada tahap yang lebih tinggi. Hal ini bermakna, guru-guru Bahasa Melayu masih belum menguasai sepenuhnya kemahiran berkaitan pelaksanaan alat-alat berfikir tersebut.

Norul Haida Reduzan et. al (2019) menjelaskan bahawa kebolehan murid daripada segi mengkritik, mengemukakan idea dan memberikan cadangan yang relevan juga tidak mencapai tahap kecemerlangan yang sepatutnya. Menurut beliau lagi, fenomena ini berlaku adalah disebabkan oleh golongan masyarakat masih memiliki intelektual yang rendah dan lemah dalam berfikir walaupun pelbagai penekanan berkaitan penguasaan kemahiran berfikir telah pun didedahkan dalam kurikulum. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa sikap dalam kalangan masyarakat adalah begitu ketara kerana tidak begitu mementingkan kemahiran berfikir walaupun pada hakikatnya merupakan antara salah satu aspek yang perlu dimiliki oleh masyarakat pemikir kelas pertama dan berupaya bersaing dalam peringkat global.

Berdasarkan kajian yang dibincangkan, kita dapat simpulkan bahawa penerapan KBAT dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sememangnya berada pada tahap yang kurang memuaskan dalam aspek menyediakan murid-murid yang memiliki tahap kemahiran berfikir kelas pertama. Oleh itu, sebagai bakal guru Bahasa Melayu, kita haruslah mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang berprestij tinggi termasuklah KBAT dalam usaha mengharungi cabaran dalam sistem pendidikan negara supaya setanding dengan negara-negara lain di dunia.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dua pemboleh ubah, iaitu kemahiran dan sikap pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pelajar PISMP yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar tahun akhir, iaitu pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017. Hal ini demikian kerana pelajar-pelajar ini merupakan bakal guru yang akan ditempatkan di sekolah dan merupakan responden yang tepat untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap terhadap KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu sama ada berada pada tahap yang rendah, sederhana atau pun tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji, iaitu;

1. Mengetahui tahap kemahiran pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.
2. Mengetahui tahap sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan di atas, dua soalan kajian telah dikemukakan oleh pengkaji, iaitu;

1. Apakah tahap kemahiran pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?
2. Apakah tahap sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu?

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Jenny (2013) menjelaskan bahawa reka bentuk kajian amat penting bagi sesuatu kajian kerana reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Kajian ini melibatkan kajian deskriptif

menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Creswell (2006) dalam Nur Hawa Hanis Abdullah dan Ghazali Darusalam (2018), kajian tinjauan merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, persepsi dan sikap sesuatu populasi daripada responden individu yang dijadikan sampel dan sangat sesuai untuk digunakan sebagai kajian penyelidikan pendidikan. Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang mudah dan popular yang sering dilakukan dalam mengkaji tentang sesuatu perkara yang berlaku. Kajian tinjauan digunakan dalam bagi membantu pengkaji memahami sesuatu fenomena secara terperinci dan mendalam serta menambahkan ilmu sedia ada dengan melihat hubungan antara pelbagai objek, elemen dan isu-isu berkaitan dengan fenomena yang diteliti (Noriah Mohd. Ishak et al., 2013).

Di samping itu, kaedah penyelidikan kuantitatif digunakan untuk mendapatkan gambaran fenomena sebenar terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan komponen kemahiran dan sikap pelajar PISMP menggunakan soal selidik. Perkara ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Hasnah Isnun dan Jamaludin Badusah (2017) yang memilih kajian deskriptif melalui kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik. Pemilihan kaedah tinjauan juga dilihat tepat dan sesuai dengan kajian yang dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan realiti atau situasi sebenar yang sedang berlaku dalam kalangan para pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017. Tambahan lagi, penggunaan borang soal selidik adalah lebih mudah untuk dianalisis dan pengkaji memilih borang soal selidik sebagai instrumen kajian kerana signifikan dengan kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018).

Populasi dan Sampel Kajian

Persampelan merupakan antara salah satu elemen yang terpenting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel kajian yang tidak sesuai dan tidak tepat berdasarkan konteks kajian berupaya mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dilaksanakan. Kaedah persampelan terbahagi kepada dua, iaitu persampelan rawak dan persampelan rawak mudah (Azizi Yahaya et al, 2017; Nurul Anis Syuhadah Razak, 2020). Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan rawak mudah kerana pihak pengurusan tidak dapat memberikan senarai nama pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 atas alasan sulit dan rahsia. Responden kajian ini menjawab soal selidik yang disebarluaskan oleh pengkaji kepada setiap ketua unit atau wakil dari IPGK yang telah dipilih sebagai lokasi kajian dengan persetujuan dan kerelaan mereka sendiri melalui *Google Form*. Perkara ini juga adalah selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nor' Ain Abdullah et al. (2015) yang melaksanakan persampelan rawak mudah dengan mengedarkan sebanyak 156 borang soal selidik kepada pelajar Program Sarjana Muda di universiti yang dijadikan lokasi kajian atas faktor maklumat pelajar yang dipilih sebagai sampel kajian tidak dapat diterima kerana bersifat rahsia dan sulit oleh pihak pengurusan.

Kajian tinjauan ini berkaitan dengan tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan para pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 di seluruh IPGK yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu, iaitu sebanyak enam kampus. Jumlah populasi kajian bagi keenam-enam IPGK yang terlibat adalah seramai 278 orang. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), populasi yang paling hampir dengan 278 adalah 270, maka bilangan saiz sampel yang diperlukan dan bersesuaian dengan pelaksanaan kajian ini adalah sebanyak 159 orang sahaja. Bilangan sampel minimum kajian jenis tinjauan adalah sebanyak 10% daripada jumlah populasi (Gay, 2006; Shalini & Jasmy, 2018). Hal ini bermakna, bilangan sampel kajian yang ditetapkan oleh pengkaji dapat digeneralisasi bagi populasi yang dipilih ini berdasarkan konteks kajian yang dilaksanakan.

JADUAL 1
Penentuan Saiz Sampel (Krejcie & Morgan, 1970)

<i>Populasi</i>	<i>Sampel</i>
260	155
270	159
280	162

Populasi kajian dalam Jadual 1, merujuk kepada keseluruhan jumlah pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 yang dikenal pasti berdasarkan keenam-enam IPGK yang dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Jumlah keseluruhan bagi pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017 adalah seramai 278 orang yang terdiri daripada pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Bilangan majoriti pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 ini diwakili oleh IPGK Bahasa Melayu, iaitu 188 orang, manakala, 29 orang pelajar pula adalah dari IPGK Kent dan IPGK Dato Razali Ismail pula adalah sebanyak 16 orang. Di samping itu, IPGK Tengku

Ampuan Afzan, IPGK Pendidikan Islam dan IPGK Ilmu Khas pula masing-masing terdiri daripada 15 orang pelajar.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi mendapatkan data untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan tepat. Perkara ini bersesuaian dengan pendapat yang dikemukakan oleh Mohd Nawi dan Lokman (2008) dalam Nurfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzammil (2018), iaitu soal selidik adalah yang paling sesuai dalam kajian berbentuk kuantitatif bagi tujuan mendapatkan data yang tepat untuk dianalisis. Soal selidik yang dibina oleh pengkaji dalam kajian ini adalah adaptasi daripada kajian yang dilakukan oleh Nurfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzammil (2018). Justifikasi pemilihan instrumen ini adalah kerana kandungan itemnya yang serupa dengan kandungan yang dinilai dalam kajian lepas.

Pengubahsuaian dan penambahan item soal selidik adalah berlandaskan pembacaan dan penelitian pengkaji terhadap dapatan kajian yang lalu bagi mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Dalam soal selidik kajian ini, pengkaji hanya memperuntukkan tiga bahagian sahaja berdasarkan pemboleh ubah yang ingin dikaji, iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan jantina, bangsa dan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) manakala bagi Bahagian B berfokuskan kepada tahap kemahiran pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahagian C pula, item-item yang dikemukakan adalah berkaitan dengan tahap sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Berikut adalah pembahagian dalam soal selidik yang digunakan oleh pengkaji yang dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2
Pembahagian Item Soal Selidik

Bahagian	Item-item dalam setiap bahagian	Bilangan item
A	Maklumat Demografi Responden. <ul style="list-style-type: none"> ➢ Jantina ➢ Bangsa ➢ Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) 	3
B	Tahap Kemahiran Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.	17
C	Tahap Sikap Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.	5
Jumlah Item		25

Merujuk Jadual 2, maklumat demografi dimasukkan dalam Bahagian A. Dalam Bahagian B dan C, responden dikehendaki menyatakan pandangan atau pendapat mereka berdasarkan 5 pemingkatan skala likert yang dinyatakan dengan menandakan mana-mana skala bagi setiap item.

JADUAL 3
Skala Likert


Skala Likert	Skor
Amat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Kurang Setuju	3
Setuju	4
Amat Setuju	5

Jadual 3 menunjukkan 5 pemingkatan skala likert yang digunakan oleh pengkaji berdasarkan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden kajian. Seterusnya, perisian yang digunakan bagi tujuan kemudahtadbiran borang soal selidik dalam kajian ini ialah *Google Forms* dan *Statistical Package for Science Social* (SPSS versi 23). Pemilihan kedua-dua perisian ini memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data yang dikehendaki dalam masa yang singkat dan tidak memerlukan sebarang kos.

Prosedur Penganalisan Data

Prosedur atau proses pengumpulan data pula ditentukan dan diperolehi sebelum penganalisan data dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data atau maklumat tinjauan menggunakan soal

selidik. Teknik membina sendiri instrumen kajian hendaklah dibina melalui kajian literatur atau definisi peristilahan daripada pemboleh ubah (Mc Cabe, 2010; Nurul Anis Syuhadah Razak, 2020). Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi oleh pengkaji lain berdasarkan konteks kajian yang dijalankan, iaitu Nurfariza Mohd Radzi dan Nur Fadhillah Muzammil (2018) kerana pengkaji tidak mampu membina sendiri item soalan yang memiliki nilai kebolehppercayaan yang tinggi dalam kajian rintis untuk ditadbir dalam kajian yang sebenar. Dalam prosedur pengumpulan data ini, pengkaji telah mengguna pakai langkah yang dijalankan oleh Besek Nuradhulun Nisa' (2020), iaitu seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Prosedur Pengumpulan Data

Rajah 1 menunjukkan empat proses pengumpulan data dilaksanakan, iaitu langkah pertama, pengkaji mendapatkan kebenaran membuat kajian daripada Pentadbir IPGKTAA. Langkah kedua ialah pengkaji mengadakan perbincangan bersama-sama dengan pensyarah penyelia. Langkah 3, pengkaji memilih responden yang dikenal pasti dengan justifikasi berdasarkan tujuan kajian. Langkah keempat, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden melalui perisian *Google*. Bagi tujuan menyebarkan borang soal selidik, pengkaji menggunakan *Google Apps* daripada *Drive*, iaitu *Google Form* bagi memudahkan urusan menyebarkan borang soal selidik dan berupaya menjimatkan masa dan kos. *Google Apps* merupakan salah satu perisian berteknologi tinggi yang mempunyai ciri khas keselamatan yang tinggi malahan maklumat yang disimpan oleh pengguna dalam perisian penyimpanan ini tidak mudah diceroboh oleh pihak yang tidak berkenaan (Gunawan & Augustina, 2013; Noriyani Doman, 2017).

Antara perkara yang penting dalam analisis statistik deskriptif data kajian adalah peratus dan taburan kekerapan, skor min dan juga sisihan piawai kerana dianggap sesuai untuk digunakan oleh pengkaji supaya mendapat maklumat yang lebih meluas, menyeluruh, dan terperinci sebagaimana yang dikehendaki dalam objektif kajian ini. Perkara ini adalah selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin (2018) yang menyatakan bahawa analisis deskriptif yang digunakan adalah bagi tujuan menghuraikan ciri-ciri sesuatu pemboleh ubah, misalnya sampel kajian serta meneroka sejauh mana tahap kebenaran maklumat yang disampaikan oleh responden.

Analisis interpretasi berdasarkan tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ini diukur melalui 5 Skala Likert, iaitu 1 (Amat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Kurang Setuju), 4 (Setuju) dan 5 (Amat Setuju). Oleh itu, skala-skala ini diguna pakai bagi tujuan mengukur tahap interpretasi akan memberikan gambaran keseluruhan kedua-dua pemboleh ubah yang dikehendaki dalam kajian ini, iaitu kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu para pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017. Analisis terhadap skala jawapan responden dibentuk berdasarkan nilai skor min. Oleh itu, nilai skor min yang diperoleh berdasarkan julat min seperti yang tertera dalam Jadual 5.

JADUAL 5
Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor Purata Min	Interprestasi
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Khalip Musa & Hariza Abd. Halim (2015)

Kesahan

Menurut Miller, Linn dan Gronland (2009) dalam Boon Pong Ying et. al (2017), kesahan merujuk kepada ketepatan, kesesuaian, interpretasi dan kegunaan keputusan pentaksiran sesuatu prosedur pentaksiran untuk sekumpulan individu. Dalam kata lain, kesahan merupakan takat sesuatu pentaksiran itu mengukur secara tepat apa-apa yang ingin diukur. Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan ketepatan kontruk dan kejelasan kandungan (Kline, 2005; Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei, 2017). Oleh hal yang demikian, instrumen penilaian yang dibina oleh pengkaji telah diberikan kepada pakar yang memiliki kemahiran dalam bidang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, iaitu pakar bahasa untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Pemilihan panel pakar adalah terdiri daripada seorang pakar bahasa Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGKTAA), yang berkelayakan doktor falsafah bidang bahasa Melayu.

Pakar bahasa yang dipilih telah diberikan penerangan mengenai tujuan kajian dan tugas penyemakan item yang dibina oleh pengkaji. Pakar telah diberikan Borang Akuan Menyemak Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik untuk tujuan pembetulan dan memberikan komen serta cadangan pada item berdasarkan penilaian pakar bahasa tersebut yang kurang menepati kehendak bahagian soal selidik terutama sekali item yang dibina. Berdasarkan borang berkenaan, beliau dikehendaki mengesahkan perkara berikut:

- i. Item yang mewakili setiap bahagian dalam Borang Soal Selidik.
- ii. Borang Pengesahan Instrumen.

Berdasarkan semakan, maklum balas dan komen pakar, beliau menyatakan setiap item yang dibina haruslah berkaitan dengan kajian yang dijalankan secara lebih mendalam supaya memudahkan pengkaji mengulas setiap item tersebut. Beliau juga telah mengembalikan semula Borang Akuan Menyemak Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik setelah selesai menyemak item-item instrumen penilaian.

Kebolehpercayaan

Selain kesahan, Boon Pong Ying (2017) menyatakan kebolehpercayaan juga merupakan salah satu daripada ciri utama keputusan pentaksiran. Kebolehpercayaan adalah ketekalan prestasi seseorang dalam kedua-dua ujian yang sama tetapi ditadbir pada masa yang berbeza. Perkara ini juga turut dijelaskan oleh pandangan yang diutarakan oleh Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei (2017), iaitu individu akan memperoleh skor yang sama daripada sesuatu instrumen apabila kebolehan individu itu adalah tekal atau trait yang diukur tidak berubah walaupun diukur berulang kali dengan instrumen yang sama. Justeru, pengkaji telah menggunakan kaedah ketekalan dalaman bagi tujuan menentukan pekali kebolehpercayaan instrumen, iaitu mencari *Cronbach Alpha* atau juga dikenali sebagai pekali alfa melalui *Statistical Package for Science Social* (SPSS versi 23) bagi setiap konstruk yang dibina.

Kajian rintis yang dilakukan oleh pengkaji merupakan kayu ukur bagi penentuan kebolehpercayaan terhadap instrumen kajian yang telah dibangunkan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian sebenar. Kajian rintis ini dilaksanakan dengan melibatkan seramai 80 pelajar PISMP yang terdiri daripada pelajar PISMP Bahasa Melayu Semester 4 dan 6, iaitu 50 pelajar perempuan dan 30 pelajar lelaki. Dalam melakukan penilaian terhadap kebolehpercayaan instrumen kajian ini, pengkaji telah menggunakan SPSS untuk memperoleh pekali alfa atau juga dikenali sebagai *Cronbach Alpha* berdasarkan soal selidik yang diedarkan dalam bentuk *Google Form* yang disebarluaskan kepada pelajar yang berkenaan sebagai sampel kajian rintis.

JADUAL 6

Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan

Pekali Kebolehpercayaan	Tahap Kebolehpercayaan
0.90 atau lebih	Amat baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

Sumber: Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei (2017)

Berdasarkan Jadual 6, terdapat lima skala nilai pekali kebolehpercayaan yang memberikan penanda aras bagi aspek amat cemerlang (0.90 dan lebih), baik (0.80 hingga 0.89), sederhana (0.60 hingga 0.79), diragui (0.40 hingga 0.59) dan ditolak (0.00 hingga 0.39). Berdasarkan kajian rintis yang telah dilaksanakan, kebolehpercayaan bagi Bahagian A berada pada nilai indeks .955 manakala Bahagian B pula, pekali alfa adalah .867. Nilai Alfa Cronbach berdasarkan kategori atau bahagian yang melebihi 0.72 ini merupakan nilai

kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Mohd. Majid, 1998; Sekaran, 2003; Nadhilah Abdul Pital & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Hal ini bermakna, kesemua item yang dibina oleh pengkaji boleh ditadbir untuk kajian sebenar dalam usaha mendapatkan maklumat berkenaan tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Kajian Rintis

Pengkaji telah mengadakan kajian rintis bagi mengenal pasti nilai kebolehpercayaan dan kesahan setiap item yang dibina. Kajian rintis ini perlu dilakukan kerana menurut Alias Baba (1997) dalam Azila (2012) yang menyatakan bahawa kajian rintis bertujuan untuk:

- i. menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dibina.
- ii. melihat kesesuaian item-item dalam soal selidik. Responden diminta untuk menandakan struktur ayat atau istilah yang difikirkan sesuai.
- iii. mengetahui pemahaman responden terhadap semua pernyataan dan soalan yang dikemukakan. Responden akan menggariskan pernyataan yang mengelirukan.
- iv. memastikan jangka masa yang digunakan oleh responden untuk menjawab semua item.

Pelaksanaan kajian rintis adalah bertujuan untuk memastikan instrumen kajian yang disediakan sesuai bagi kajian sebenar yang akan dijalankan (Nadhilah Abdul Pital & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Selain itu, kajian rintis juga dilakukan bagi mendapatkan pengesahan kepada tahap kebolehpercayaan soal selidik yang dijalankan supaya hasil dapatan adalah sah dan boleh dipercayai untuk pelaksanaan kajian yang sebenar. Kebolehpercayaan merujuk kepada konsistensi atau kestabilan data yang diperolehi melalui pengumpulan data yang dijalankan (Neuman, 2003; Noraini, 2010; Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2018).

Kebolehpercayaan kajian juga adalah bergantung kepada konstruk dan kandungan item dalam soal selidik yang dibina oleh pengkaji. Menurut Mohd Syaubari Othman dan Ahmad Yunus Kassim (2018), kesahan pula bermaksud penilaian yang dibuat terhadap kesesuaian dalam terjemahan dan tindakan yang dilakukan terhadap skor-skor ujian. Oleh itu, pengkaji melaksanakan kajian rintis bagi mendapatkan kebolehpercayaan dan kesahan item-item instrumen soal selidik yang dibina sebelum menjalankan kajian sebenar terhadap sampel kajian yang telah disasarkan sebagai gambaran umum kajian yang dijalankan.

Kajian rintis telah dijalankan kepada 80 sampel yang terdiri daripada pelajar PISMP Bahasa Melayu Semester 4 dan 6 yang merangkumi lima unit, iaitu 3 unit bagi Semester 4 dan 2 unit bagi Semester 6 di Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis Pahang. Para pelajar tersebut terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 50 pelajar perempuan. Populasi bagi kedua-dua semester adalah seramai 101 orang pelajar namun pengkaji hanya mengambil 100 orang pelajar sahaja mengikut penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) dan saiz sampel yang didapati adalah seramai 80 orang bagi pelaksanaan kajian rintis ini. Berikut adalah jadual bilangan pelajar lelaki dan perempuan bagi kedua-dua semester yang telah dipilih sebagai sampel kajian rintis. Bilangan pelajar ini dipaparkan dalam Jadual 7 berikut:

JADUAL 7

Bilangan Pelajar Lelaki dan Perempuan PISMP Bahasa Melayu Semester 4 dan 6 Bagi Kajian Rintis

Semester	Jantina	Bilangan
4	Lelaki	23
	Perempuan	25
6	Lelaki	7
	Perempuan	25
Jumlah		80

Dalam menganalisis kebolehpercayaan instrumen kajian bagi kedua-dua bahagian, pengkaji merujuk Jadual Nilai Kebolehpercayaan sebagai panduan dalam menaksir kebolehterimaan instrumen kajian daripada segi kebolehpercayaan berasaskan nilai pekali kebolehpercayaan dalam Jadual 6.

Seterusnya, Jadual 8 berikut pula ditunjukkan maklumat demografi responden kajian rintis yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 50 orang pelajar perempuan bagi kategori jantina. Maklumat bangsa pula diklasifikasikan kepada dua, iaitu bumiputera dan bukan bumiputera yang masing-masing diwakili dengan peratusan sebanyak 15% dan 85%. Maklumat berikutnya adalah berkaitan unit bagi kedua-dua semester yang disasarkan oleh pengkaji, iaitu dalam lingkungan 13 sehingga 19 orang bagi pelajar perempuan dan lelaki dalam satu-satu unit.

JADUAL 8
Maklumat Demografi Responden Kajian Rintis

Demografi	Faktor	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	30	37.5
	Perempuan	50	62.5
	Jumlah	80	100.0
Bangsa	Bumiputera	68	15.0
	Bukan Bumiputera	12	85.0
	Jumlah	80	100.0
Unit	Semester 4 BM 1 (SK)	18	22.5
	Semester 4 BM 2 (SK)	17	21.3
	Semester 4 BM (SKJC)	13	16.2
	Semester 6 BM 1 (SK)	19	23.7
	Semester 6 BM 2 (SK)	13	16.2
	Jumlah	80	100.0

Hasil analisis kajian rintis bagi dua bahagian seterusnya dianalisis dan didapati nilai pekali Alfa Cronbach bagi Bahagian B adalah berada pada nilai indeks 0.955 manakala Bahagian C pula adalah 0.867. Nilai Alfa Cronbach berdasarkan kategori atau bahagian yang melebihi 0.72 ini merupakan nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Mohd. Majid, 1998; Sekaran, 2003; Nadhilah Abdul Pital & Kamarul Shukri Mat Teh, 2019). Maklumat ini bermakna kedua-dua bahagian terutama sekali item-item dalam soal selidik kajian ini boleh ditadbir untuk kajian yang sebenar kerana mempunyai nilai kebolehpercayaan yang berada pada tahap kebolehpercayaan baik dan amat baik. Nilai pekali kebolehpercayaan ini dianalisis berdasarkan *Statistical Package for Social Science* (SPSS versi 23) yang digunakan oleh pengkaji untuk memastikan bahawa setiap item dalam instrumen kajian tersebut boleh diguna pakai dalam kajian sebenar atau sebaliknya. Jadual 9 memaparkan dapatan kajian rintis yang dibincangkan ini.

JADUAL 9
Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item Instrumen

Bahagian	Nilai Alfa Cronbach	Bilangan Item
B	0.955	17
C	0.867	5

Berdasarkan Jadual 9, didapati item di bahagian B mencapai nilai *Alfa Cronbach* 0.955, iaitu amat baik. Bagi item di bahagian C pula, nilai *Alfa Cronbach* ialah 0.867, iaitu baik. Hal ini membuktikan bahawa semua item mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik dan amat baik dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Profil Peserta Kajian

Kajian ini menggunakan responden dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 di seluruh IPGK Malaysia yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu Sekolah Rendah. Maklumat demografi responden kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu jantina, bangsa dan IPGK yang dipilih sebagai lokasi kajian.


Jantina

Kajian ini melibatkan para pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 yang terdiri daripada pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Jadual 10 berikut menunjukkan bilangan responden dan peratus mengikut jantina.

JADUAL 10
Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan responden	Peratus (%)
Lelaki	75	47.2
Perempuan	84	52.8
Jumlah	159	100.0

N = 159



Rajah 2: Carta Pai Mengikut Jantina

Analisis dapatan maklumat demografi responden yang dimuatkan dalam Rajah 2 menunjukkan responden kajian yang terlibat terdiri daripada 159 orang pelajar PISMP Bahasa Melayu Ambilan Jun 2017. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 75 orang (47.2%) mewakili pelajar lelaki manakala sebanyak 84 orang (52.8%) bagi pelajar perempuan menggunakan carta pai.


Bangsa

Maklumat demografi responden yang seterusnya dalam kajian ini ialah bangsa. Maklumat bangsa ini dibahagikan kepada dua, iaitu bumiputera dan bukan bumiputera. Bumiputera ini dibahagikan kepada beberapa kaum, iaitu Melayu, Orang Asli, Sabah dan Sarawak. Bagi kelompok bukan bumiputera pula terdiri daripada kaum India, Cina dan beberapa bangsa lain yang menetap di Malaysia secara tetap, iaitu Siam. Berikut ialah Jadual 11 yang menggambarkan bilangan dan peratus responden berdasarkan bangsa.

JADUAL 11
Taburan Responden Mengikut Bangsa

Bangsa	Bilangan responden	Peratus (%)
Bumiputera	125	78.6
Bukan Bumiputera	34	21.4
Jumlah	159	100.0

N = 159



Rajah 3: Carta Pai Mengikut Bangsa

Analisis dapatan maklumat demografi responden yang dimuatkan dalam Rajah 3 menunjukkan majoriti responden kajian ini terdiri daripada 125 orang (78.6%) yang mewakili bumiputera. Responden bukan bumiputera pula adalah seramai 34 orang responden, yang membawa peratus sebanyak (21.4%).

Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK)


Responden kajian ini terdiri daripada para pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) di seluruh Malaysia. Jadual 12 menunjukkan taburan bilangan responden kajian berserta peratus daripada enam buah IPGK yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu.

JADUAL 12

Taburan Responden Mengikut IPGK

IPGK	Bilangan responden	Peratus (%)
IPGK Tengku Ampuan Afzan	14	8.8
IPGK Dato Razali Ismail	15	9.4
IPGK Pendidikan Islam	14	8.8
IPGK Bahasa Melayu	79	49.7
IPGK Ilmu Khas	13	8.2
IPGK Kent	24	15.1
Jumlah	159	100.0

N = 159



Rajah 4: Carta Pai Mengikut IPGK

Analisis dapatan maklumat demografi responden yang dimuatkan dalam Rajah 4 menggunakan carta pai ini menunjukkan taburan responden mengikut IPGK yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu Sekolah Rendah di seluruh Malaysia. Majoriti bilangan responden dalam kajian ini diwakili oleh pelajar dari IPGK Bahasa Melayu, iaitu seramai 79 orang (49.7%) manakala seramai 24 orang pelajar bersamaan 15.1% adalah daripada pelajar IPGK Kent. Seterusnya, seramai 15 orang pelajar (9.4%) pula mewakili IPGK Dato Razali Ismail dan 14 orang pelajar (8.8%) pula masing-masing diwakili dari IPGK Tengku Ampuan Afzan dan IPGK Pendidikan Islam. Akhir sekali, seramai 13 orang pelajar (8.2%) mewakili IPGK Ilmu Khas yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini.

PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menjelaskan hasil analisis data dan dapatan kajian mengikut soalan-soalan kajian yang dikehendaki dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji menunjukkan hasil kajian dalam bentuk jadual berserta dengan penjelasan yang mendasari setiap soalan kajian. Hipotesis dalam kajian ini juga ditolak kerana tiada hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah yang dibina dan pengkaji hanya ingin mengenal pasti tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan

pembelajaran Bahasa Melayu berdasarkan nilai skor min yang diperoleh sama ada berada pada tahap yang tinggi, sederhana atau pun rendah.

Dalam bahagian ini juga, kedua-dua soalan kajian, iaitu tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dinilai dengan menganalisa purata skor min yang diguna pakai oleh Khalip Musa dan Hariza Abd. Halim (2015) yang dibahagikan kepada tiga tahap berdasarkan nilai min yang diperoleh, iaitu nilai skor min 1.00 sehingga 2.33 mewakili tahap rendah, nilai skor min 2.34 sehingga 3.67 pula mewakili tahap sederhana dan nilai skor min 3.68 sehingga 5.00 menunjukkan tahap yang tinggi.

Soalan Kajian 1: Apakah Tahap Kemahiran Pelajar PismP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu?

JADUAL 13

Analisis Dapatan Tahap Kemahiran Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Bil.	Item	N	Min (μ)	Sisihan piawai (S.P)	Tahap min
1.	Saya cekap menggunakan kata kerja KBAT berkaitan aplikasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	159	4.81	0.438	Tinggi
2.	Saya cekap menggunakan kata kerja KBAT berkaitan analisis dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	159	4.55	0.592	Tinggi
3.	Saya cekap menggunakan kata kerja KBAT berkaitan menilai dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	159	4.64	0.578	Tinggi
4.	Saya cekap menggunakan kata kerja KBAT berkaitan mencipta dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	159	4.62	0.613	Tinggi
5.	Saya memang terlatih melaksanakan strategi konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.41	0.608	Tinggi
6.	Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran berasaskan kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.63	0.522	Tinggi
7.	Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran berasaskan projek dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.14	0.590	Tinggi
8.	Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran berasaskan inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	3.62	0.824	Sederhana
9.	Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran kajian masa depan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	3.48	0.993	Sederhana
10.	Saya memang terlatih mengaplikasikan <i>6 Thinking Hats</i> dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	3.18	0.868	Sederhana
11.	Saya memang terlatih mengaplikasikan <i>peta i-Think</i> dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.87	0.402	Tinggi
12.	Saya memang terlatih mengaplikasikan CoRT (<i>Cognitive Research Trust</i>) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	3.14	0.951	Sederhana
13.	Saya memang terlatih mengaplikasikan pengurusan grafik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.81	0.497	Tinggi
14.	Saya memang terlatih mengaplikasikan alat berfikir soalan dan penyoalan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.47	0.560	Tinggi

15.	Saya memang terlatih menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) berasaskan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.62	0.560	Tinggi
16.	Saya mempunyai kemahiran dalam penyediaan bahan bantu belajar berasaskan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.30	0.525	Tinggi
17.	Saya mahir mengembangkan kemahiran berfikir murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.11	0.464	Tinggi
Purata		159	4.26	0.310	Tinggi

Jadual 13 merupakan analisis dapatan berkenaan tahap kemahiran terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar PISMPambilan Jun 2017. Secara keseluruhannya tahap kemahiran berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata min 4.26 manakala nilai sisihan piawai pula adalah sebanyak 0.310. Kesemua tujuh belas item yang diuji dalam konstruk ini berada pada dua tahap yang berbeza, iaitu sebanyak 4 item berada pada tahap yang sederhana manakala 13 item pula berada pada tahap yang tinggi.

Empat item yang berada pada tahap sederhana tersebut adalah item yang bernombor (8) Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran berasaskan inkuiri dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=3.62$, $S.P=0.824$), item (9) Saya memang terlatih melaksanakan strategi pembelajaran kajian masa depan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=3.48$, $S.P=0.993$), item (10) Saya memang terlatih mengaplikasikan *6 Thinking Hats* dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=3.18$, $S.P=0.868$) dan akhir sekali, item (12) Saya memang terlatih mengaplikasikan CoRT (*Cognitive Research Trust*) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=3.14$, $S.P=0.951$). Bagi item-item yang selebihnya pula berada pada tahap yang tinggi, iaitu pada purata nilai min 4.11 sehingga 4.87 dengan sisihan piawai 0.438 sehingga 0.993.

Dapatan kajian berdasarkan tahap kemahiran pelaksanaan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 ini adalah berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.26 dan nilai sisihan piawai pula adalah 0.310. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah (2017) yang menyatakan analisis deskriptif yang dilaksanakan menunjukkan kemahiran guru dalam penerapan KBAT berada pada tahap yang tinggi. Mereka berpendapat bahawa guru-guru Bahasa Melayu memberikan peluang kepada murid menjawab soalan, memberikan pendapat malahan menggalakkan murid berfikir dan bertindak secara kreatif.

Perkara ini juga selaras dengan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini, iaitu para pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 berupaya mengaplikasikan keempat-empat aras pemikiran tinggi, mengaplikasikan alat berfikir soalan dan penyoalan dan dapat mengembangkan kemahiran berfikir murid dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, hasil dapatan kajian oleh Wan Ismail, Muhammad Hamzah dan M.A. Lubis (2016) juga adalah sependapat dengan dapatan kajian ini, iaitu mereka mendapati bahawa tahap kesediaan daripada aspek pengetahuan dan kemahiran guru terhadap penerapan KBAT berada pada tahap yang tinggi. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu pada masa kini memiliki tahap kesediaan yang tinggi untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, iaitu guru mengetahui konsep, istilah makna KBAT dengan lebih mendalam.

Namun begitu, terdapat juga beberapa dapatan kajian yang dikenal pasti bertentangan atau berbeza dengan dapatan kajian ini, antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Rahimah (2016) dan Nor Hazmaliza (2016) yang mendapati guru-guru Bahasa Melayu masih belum dapat menyematkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, kajian Sharifah Nor (2012) juga tidak sependapat dengan dapatan kajian ini, iaitu kemahiran berfikir dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih belum dapat diserapkan sepenuhnya. Wan Nor Shairah dan Norazah Mohd Nordin (2017) menerangkan bahawa guru masih kurang bersedia untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran disebabkan oleh kekurangan pendedahan berkenaan kaedah dan pedagogi KBAT.

Secara tuntasnya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 di enam buah IPGK ini telah bijak menggunakan kesemua elemen yang terdapat dalam KBAT, strategi pengajaran dan pembelajaran, alat berfikir KBAT, penerapan empat aras pemikiran kognitif, penyediaan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan bahan bantu belajar berunsurkan KBAT

serta berupaya mengembangkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh sebab itu, tahap kemahiran dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 berada pada tahap yang tinggi berdasarkan nilai skor min yang telah diperoleh.

Soalan Kajian 2: Apakah Tahap Sikap Pelajar Pismmp Terhadap Pelaksanaan Kbat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu?

JADUAL 14

Analisis Dapatan Tahap Sikap Pelajar PISMP Terhadap Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Bil.	Item	N	Min (μ)	Sisihan piawai (S.P)	Tahap min
1.	Saya pasti tentang isu-isu terkini berkaitan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.75	0.463	Tinggi
2.	Saya berpendapat pentingya menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.	159	4.26	0.480	Tinggi
3.	Pada fikiran saya KBAT merupakan salah satu aspirasi dalam PPPM (2013-2025)	159	4.58	0.508	Tinggi
4.	Saya berpendapat perlunya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.	159	4.61	0.550	Tinggi
5.	Saya mempunyai pandangan bahawa amalan saya dalam mengintegrasikan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berjaya.	159	4.09	0.427	Tinggi
Purata		159	4.47	0.267	Tinggi

Analisis dapatan tahap sikap terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang dimuatkan dalam Jadual 14 menunjukkan bahawa keseluruhan tahap purata min berada pada tahap yang tinggi, iaitu 4.47 dengan sisihan piawainya adalah sebanyak 0.267. Hal ini bermakna, tahap sikap dalam kalangan pelajar PISMP Bahasa Melayu ambilan Jun 2017 terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah baik dan positif.

Kelima-lima item yang diuji dalam kajian ini berada pada nilai skor min yang tinggi, iaitu item (1) Saya pasti tentang isu-isu terkini berkaitan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=4.75$, S.P=0.463), item (2) Saya berpendapat pentingnya menerapkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ($\mu=4.26$, S.P=0.480), item (3) Pada fikiran saya KBAT merupakan salah satu aspirasi dalam PPPM (2013-2025), iaitu ($\mu=4.58$, S.P=0.508), item (4) Saya berpendapat perlunya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu ($\mu=4.61$, S.P=0.550), item terakhir (5) Saya mempunyai pandangan bahawa amalan saya dalam mengintegrasikan KBAT semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berjaya ($\mu=4.09$, S.P=0.427).

Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian yang diperoleh oleh Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah (2018), iaitu tahap sikap guru terhadap penerapan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah neutral dan positif berdasarkan item-item yang telah diuji. Oleh itu, sikap positif yang ditonjolkan oleh guru Bahasa Melayu dalam kajian tersebut diharapkan dapat mengawal proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Namun begitu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Mohamad Nurul Azmi & Nurzatulshima Kamaruddin (2017) memperihalkan sikap guru adalah tidak menonjolkan komitmen terhadap penerapan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian oleh Mazni Mohamed Mokhtar (2018) menyatakan bahawa guru lemah dan bersikap negatif untuk mendapatkan maklumat berkaitan KBAT dan mereka juga mengalami kekeliruan dalam menggunakan kaedah atau strategi mengajar KBAT yang tidak sesuai, berasa tidak yakin dan tiada latihan yang mencukupi untuk menerapkan KBAT dalam PdPc.

Musliha Salma Mohd Radzi (2010) dalam Chew Fong Peng dan Zul Hazmi Hamad (2018) juga mendapati bahawa permasalahan daripada aspek sikap dalam kalangan guru juga adalah apabila mereka didapati hanya bergantung pada penggunaan buku teks semata-mata dan menggunakan soalan-soalan yang disediakan seperti yang dinyatakan dalam teks. Ketiga-tiga dapatan kajian di atas adalah bertentangan kerana masih berada pada

tahap yang rendah dan sederhana tetapi dapatan kajian ini menunjukkan tahap sikap terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu adalah tinggi. Oleh itu, para pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 daripada enam buah IPGK yang menawarkan pengkhususan Bahasa Melayu mempunyai sikap yang positif dan dapat menerima dengan baik pelaksanaan KBAT khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu.

Cadangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi dan dianggap penting kerana dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid di sekolah. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan yang berkaitan dengan kajian ini diusulkan sebagai rujukan untuk tujuan penyelidikan pada masa akan datang.

Kajian kuantitatif ini melibatkan pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 dari enam buah IPGK yang telah dijadikan lokasi kajian dilaksanakan, iaitu IPGKTAA, IPGKPI, IPGKKDRI, IPGKBM, IPGKIK dan IPGKK sahaja. Oleh itu, diharapkan agar kajian lanjutan yang dijalankan pada masa akan datang dapat diperluaskan dengan melibatkan para pelajar PISMP dalam satu-satuambilan berdasarkan semua pengkhususan yang ditawarkan di seluruh IPGK Malaysia, misalnya Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Seni dan Visual dan seumpamanya. Penglibatan lebih ramai pelajar PISMP dalam kajian yang dilaksanakan akan memberikan gambaran yang lebih bersifat holistik berkaitan tahap kemahiran dan sikap terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran secara menyeluruh.

Kajian tinjauan berkaitan KBAT ini hanya diberikan tumpuan terhadap perspektif pelajar-pelajar PISMP sahaja. Bagi kajian yang seterusnya, pengkaji menyarankan agar kajian juga diambil daripada perspektif pensyarah atau pun guru pembimbing semasa menjalani praktikum supaya pemahaman dan kejelasan berkenaan pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar-pelajar PISMP dapat diukur dengan lebih mendalam kerana mendapat pendedahan maklumat dengan lebih jelas.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik bagi mengumpul data. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kepelbagaian kaedah pengumpulan data dijalankan pada masa akan datang, misalnya kaedah kualitatif seperti temu bual dan pemerhatian. Saranan cadangan ini juga adalah sependapat dengan cadangan yang dikemukakan oleh Mohd, Ashraf Che Soh et al. (2020), iaitu kaedah pengumpulan data juga boleh dijalankan secara pemerhatian langsung bagi memperkukuhkan dapatan kajian yang diperolehi atau juga kajian trigulasi *mexide method*.

Cadangan seterusnya, diharapkan agar kajian selanjutnya akan dijalankan terhadap tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP berkaitan penerapan KBAT dengan penambahan aspek pengetahuan supaya pengkaji juga dapat mengenal pasti tahap pengetahuan yang dimiliki oleh para pelajar PISMP ini. dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu semata-mata. Bagi kajian selanjutnya, diharapkan juga agar kajian berkaitan hubungan antara tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam kalangan pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT ini dapat dijalankan supaya kita dapat melihat kesignifikan antara ketiga-tiga komponen berkenaan yang berupaya mempengaruhi penerapan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

Dalam kajian yang akan datang juga, pengkaji menyarankan kajian yang akan dijalankan haruslah mencakupi guru-guru Bahasa Melayu di semua sekolah rendah dan menengah. Hal ini demikian kerana persekitaran di sekolah bagi mengkaji pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Bahasa Melayu adalah jelas dan dapat diukur kerana guru-guru ini berada di kawasan sekolah dan sudah lama mengajar murid-murid di dalam bilik darjah.

KESIMPULAN

Tahap kemahiran dan sikap pelajar PISMP terhadap pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya pelajar PISMP Bahasa Melayuambilan Jun 2017 ini adalah berada pada tahap yang tinggi yang mana fenomena ini adalah sangat baik terhadap transformasi sistem pendidikan negara kerana penerapan KBAT di peringkat IPGK masing-masing sememangnya memainkan peranan yang sangat penting terutama sekali dalam mendepani arus pemodenan masa kini. Selain itu, kajian ini juga memberikan pelbagai kelebihan kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti KPM, PPD, BPG dan IPG sendiri bagi tujuan tindakan selanjutnya dalam usaha memantapkan lagi penerapan KBAT dalam kalangan bakal guru keluaran IPG ini. Cadangan lanjutan yang dikemukakan bagi tujuan cadangan penambahbaikan kajian oleh pengkaji juga diharapkan dapat diaplikasikan oleh pengkaji-pengkaji selanjutnya supaya dapat memperoleh dapatan kajian yang lebih baik dan tepat berkaitan konteks kajian yang dijalankan berdasarkan fenomena sebenar dalam kehidupan realiti pendidikan negara Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Marzuki Mohamed & Muhammad Talhah Ajmain. (2020). Sikap Guru Pendidikan Islam Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc). *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 1-2.
- Aizat Abu Hassan, Mohd Faizal Rabbani, Mohamad Rekhwan Mohamed Shukor & Mohd Mastifino Abdul Majid. (2018). *Sikap Guru Terhadap Perubahan dalam Sekolah di Malaysia*. Tanjung Malim: UPSI Press.
- Amelia Ibrahim. (2018). Tekanan Kerja Dan Faktor-Faktor Stres Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Di Jitra, Kedah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 37-41.
- Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamad Redwan, Intan Safinas Mohd Ariff Al-Bakri & Zulkifli Osman. (2019). Using The Cognitive Research Trust Scale to Assess The Implementation Of The Elements Of Higher-Order Thinking Skills In Malay Language Teaching And Learning. *International Journal Of Recent Technology And Engineering (IJRTE)*, 8(22), 392-398.
- Anida Sarudin, Zulkifli Osman, Husna Faredza Mohamed Redwan, Mohamad Amir Mohd Zahari & Marlina Idris (2020). Analisis Pelaksanaan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah Orang Asli. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 48-63.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). *Elemen KBAT dalam Pedagogi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bernard Tahim Bel, Suppiah Nachiappan & Maslinda Pungut. (2021). Analisis Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran, Pengajaran Dan Pemudahcaraan Abad Ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100 – 119.
- Besek Nuradhlu Nisa' Alias. (2020). *Tahap Penguasaan Bahasa Arab Sebagai Persediaan untuk Kerjaya dalam Kalangan Guru Pelatih IPG*. Kuala Lipis: Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.
- Ying, P.Y., Hong, L.L., & Aeria, L.A. (2017). *Siri Pendidikan Guru: Pentaksiran dalam Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu Melalui Teknik Penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1-12.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (2017). *Kamus Dewan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Elin Driana & Ernawati (2019). Teachers' Understanding and Practices in Assessing Higher Order Thinking Skills at Primary Schools. *Acitya: Journal of Teaching & Education*, 1(2), 110-118.
- Fadhilah Mohd. (2017). *Stres Dalam Kalangan Guru Sekolah Tunas Bakti Jerantut: Satu Kajian Kes*. Kajian Ilmiah. Universiti Tun Hussien Malaysia.
- Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan dan Keperluan Guru Bahasa Melayu dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 80-101.
- Fuad Ahmad Berawi. (2017). *Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis*. Kedah: Universiti Utara Malaysia.
- Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu Dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Malay Language Teacher Competency To Implementation Higher Order Thinking Skill In Teaching And Learning). *Malay Language Education Journal*, 7(1), 2180–4842.
- Hazram Ismail & Nurulain Nabilah Hamzu. (2020). Pengintegrasian KBAT dalam Pengajaran Matematik semasa Praktikum dalam Kalangan Bakal Guru Sekolah Rendah. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 19(1), 80-89.
- Jenny M. Milin. (2013). *Hubungan Tahap Stres Guru-Guru Pendidikan Khas Terhadap Iklim Kerja Dan Pengurusan Bilik Darjah Sekolah Rendah*. Master Tesis. Universiti Malaysia Sabah.
- Khalip Musa & Hariza Abd. Halim. (2015). Kemahiran Interpersonal Guru dan Hubungan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 40(20), 88-99.
- Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub & Fazilah Amzah (2017). Kaedah Perbahasan Sebagai Wahana Pembelajaran Dan Pemudah Cara Berasaskan Kbat Dalam Proses Penulisan Karangan Argumentatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 1-12.
- Marzni Mohamed Mokhtar. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan Penulisan Karangan Argumentatif*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia Press.
- Mohamad Nurul Azmi & Nurzatulshima Kamaruddin. (2017). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT): Kesediaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran reka bentuk dan teknologi (RBT) di sekolah rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1(1), 1–5.
- Mohamad Zaidir Zainal Abidin dan Kamisah Osman (2017), Tahap Pengetahuan, Pemahaman, Kemahiran Dan Pelaksanaan Guru Sains Terhadap KBAT (The Level of Knowledge, Understanding, Skills and Implementation of Higher Order Thinking Skills by the Science Teacher). *Journal of Advanced Research in Sciences Social*, 8(1), 97-111.

- Mohd Ashraf Che Soh, Mohd Talhah Ajmain @Jima'ain, Aminudin Ehsan & Ahmad Marzuki Mohamed. (2020). Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Daerah Hulu Langat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 135-149.
- Mohd Faizal Nizam Lee Abdullah & Leow Tze Wei. (2017). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(10), 211-265.
- Mohd Nazri Hassan, Ramlee Mustafa, Nik Azimah Nik Yusuff & Rosnidar Mansor. (2017). Pembangunan Modul Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam Mata Pelajaran Sains Sekolah Rendah: Analisis Keperluan Guru. *Sains Humanika*, 9, 1-5.
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2018). Kajian Rintis Bagi Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Menerusi Pendidikan Akidah Sekolah Rendah Di Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education*, 2(2), 55-60.
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Melor Md Yusof. (2018). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadhilah Abdul Pital & Kamarul Shukri Mat The. (2019). Kajian Rintis Strategi Pembelajaran Kemahiran Berbahasa Arab. *Journal of Science Social and Humanities*, 16(7), 1-12.
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhillah Muzammil. (2018). Tahap Kompetensi Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 1-17.
- Noriyani Doman. (2017). Implikasi Google APPS dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar Pesisir UTHM. Laporan Projek Ilmiah Universiti Tun Hussein Onn.
- Norul Haida Reduzan, Abdullah Yusof, Mohd Ra'in & Raja Mohd Hafezal Raja Husin. (2019). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Karangan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(1), 27-34.
- Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (The Perception of Malay Language Teachers at Secondary School Towards Higher Order Thinking Skills). *Malay Language Education Journal MyLEJ*, 6(2), 2180-4842.
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redwan & Norfishah Mat Rabi. (2020). Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah. *International Journal of Language Education And Applied Linguistics*, 10(2), 57-67.
- Nurul Anis Syuhadah Razak. (2020). *Tahap Kesiediaan Guru Pelatih dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran*. Kuala Lipis: Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan.
- Nurul Hasna Ahmad & Saedah Siraj. (2020). Analisis kandungan terhadap penampilan kandungan, soalan dan aktiviti Buku Teks Bahasa Melayu Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap Dua: Data anekdot. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 8(2), 1-12.
- Nur Hawa Hanis Abdullah & Ghazali Darusalam. (2018). Kesiediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 1-10.
- Nursafra, Mohd Isa & Khadijah. (2018). Elemen pemikiran kritis dalam konteks kemahiran berfikir aras tinggi. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 1(2), 92-101.
- Pusat Pembangunan Akademik Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2018). *Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan*. Selangor: Institut Pendidikan Guru.
- Rahimah Ahamd. (2016). *Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Karangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Berprestasi Tinggi: Satu Kajian Kes*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Raja Abdullah Raja Ismail & Daud Ismail. (2018). Aplikasi 'Konsep 4c' Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal*, 1(1), 45-65.
- Saipolbarin Ramli et al. (2020). Integrasi elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berasaskan kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan guru pelatih Bahasa Arab. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 9(1), 33-44.
- Shalini M. Sinniah & Mohd. Jasmy Abd. Rahman. (2018). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Stres Di Kalangan Guru. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam* (pp. 1055-1064). Kuala Terengganu: Uiversti Sultan Zainal Abidin.
- Sharifah Nor Puteh. (2012). Keperihatinan Guru Bahasa Melayu Dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Kritis Dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(9), 19-31.
- Syaubari Othman & Yunus Kassim. (2017). Isu Dan Permasalahan (PdP) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 1-18.
- Syaubari Othman. (2018). *Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah di Malaysia*. Tesis Kedoktoran. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Suzana Abdul Mutalib & Mohammad Zeeree Kanteng. (2017). Pelaksanaan KBAT Dalam Pentaksiran Formatif Bagi Slot Tunjang Komunikasi Bahasa Melayu: Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6(1), 18-33. Diakses daripada: <http://ejournal.upsi.edu.my/journal/JPAK>
- Muhammad Hamzah Wan Ismail, Mohd Isa Hamzah & Maimun Aqsa Lubis. (2016). Kesiediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Di Selangor Terhadap Penerapan KBAT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Readiness of Islamic Education Teacher in Selangor's Primary School in The Implementation of KBAT in Teaching and Learning). *Akademia. Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 3(1), 79-92.
- Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin. (2017). Kesiediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Simposium Pendidikan 2017, 1*, 140-146.